

25 MAY 2001

G15-SWASTA

ERATKAN KERJASAMA DALAM BIDANG MAKLUMAT, KATA MEGAWATI

Oleh: Mohd Kamel Othman

JAKARTA, 25 Mei (Bernama) -- Naib Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri berkata kerajaan dan sektor swasta dari kumpulan negara-negara membangun G-15 harus bekerjasama serapat mungkin dalam bidang maklumat.

Beliau berkata adalah penting untuk bekerjasama membina asas bagi memperbaiki kemahiran kumpulan itu menerusi kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi.

"Menerusi teknologi inilah maklumat boleh digerak, diurus dan disebar," katanya di pembukaan mesyuarat sektor swasta G15 di Pusat Konvensyen Jakarta di sini hari ini.

"Dalam perkembangan hari ini, sukar untuk kita tidak mepedulikan peranan dan fungsi maklumat," katanya kepada para delegasi di mesyuarat itu, menjelang sidang kemuncak dua hari G15 yang akan bermula Rabu.

Megawati berkata sesuatu itu boleh berlaku jika ada kemahuan politik yang serius di pihak kerajaan.

"Hanya menerusi keupayaan sumber manusia kita boleh pilih bentuk dan cara yang sesuai bagi membentuk rangkaian kerjasama, termasuk dalam membiaya, memilih, memproses atau mengendali teknologi serta dalam menyalur dan menggunakan maklumat.

Kira-kira 750 peserta yang terdiri dari ahli-ahli perbankan, pemimpin perniagaan, usahawan kecil dan sederhana serta profesional teknologi maklumat dan komunikasi menghadiri mesyuarat sehari itu.

Mesyuarat itu adalah ruang bagi para peserta bertukar-tukar pandangan dan pengalaman mengenai hal-hal penting berkepentingan bersama dan condong ke arah sektor swasta G15, khususnya isu-isu yang berkaitan dengan usahawan kecil dan sederhana, pembiayaan perdagangan dan teknologi maklumat dan komunikasi.

Anggota G15 terdiri dari 19 negara -- India, Indonesia, Algeria, Sri Lanka, Mesir Senegal, Zimbabwe, Nigeria, Malaysia, Venezuela, Peru, Brazil, Argentina, Mexico, Chile, Jamaica, Kenya, Iran dan Colombia.

G15 diasaskan pada 1989 bagi mempererat kerjasama di kalangan negara-negara membangun dan menggalakkan kumpulan yang berbagai asal usul itu bersuara dengan suara yang satu di forum-forum antarabangsa lain.

Sidang kemuncak G15 pertama diadakan di Kuala Lumpur pada 1990.

Untuk sidang kemuncak di sini yang akan bermula 30 Mei ini, lapan pemimpin negara dijangka mengambil bahagian. Mereka adalah dari Indonesia, Algeria, Senegal, Nigeria, Venezuela, Zimbabwe, Jamaica dan Malaysia.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan tiba di sini pada Selasa untuk menghadiri sidang kemuncak yang diadakan buat pertama kalinya di Indonesia.

Delegasi-delegasi dari Argentina, Brazil, India, Iran, Colombia dan Mesir akan diketuai oleh timbalan-timbalan pemimpin negara sementara delegasi kebangsaan lain akan diketuai oleh menteri luar masing-masing.

Mesyuarat peringkat menteri G15 akan diadakan pada Isnin.

Tema sidang kemuncak kali ini adalah "Mempertajam Potensi Era Digital Bagi Pembangunan". Tema itu juga melengkapi usaha dan komitmen Indonesia sebagai negara achipelago untuk mempertajam potensi inovasi teknologi bagi proses pembangunannya. -- BERNAMA

MKO SHY JR